

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini, rumusan secara keseluruhan bagi kajian ini akan dibentangkan. Rumusan itu merangkumi hal-hal yang berkaitan terjemahan Al-Quran, metodologi kajian, analisis dapatan, hasil dapatan kajian dan juga cadangan atau saranan bagi memperluaskan lagi bidang kajian di masa hadapan.

#### **5.1 Rumusan**

Rumusan ini terbahagi kepada beberapa tajuk kecil iaitu rumusan definisi terjemahan dan makna perintah, rumusan metodologi kajian, dan rumusan hasil dapatan. Berikut adalah butirannya secara terperinci:

##### **5.1.1 Rumusan Definisi Terjemahan dan Makna Perintah**

Terjemahan dari segi bahasa ialah aktiviti mentafsir, menerangkan atau menjelaskan sesuatu teks supaya difahami oleh orang lain. Manakala dari segi istilah pula ialah proses penyalinan, pemindahan, pentafsiran, dan penerangan semula makna sesuatu teks bahasa sumber ke dalam bahasa yang lain. Proses ini melibatkan dua bahasa atau lebih yang merupakan satu aktiviti penukaran antara bahasa. Lebih tepat lagi, ia adalah satu aktiviti pertukaran budaya antara bahasa-bahasa di dunia ini.

“Makna Perintah” pula membawa maksud perintah suruhan dan perintah larangan dan ia merupakan sesuatu lafaz yang dilakukan oleh golongan yang mempunyai

kedudukan yang lebih tinggi kepada golongan yang memiliki kedudukan yang lebih rendah. Dalam konteks Al-Quran pula, ia adalah perintah suruhan dan perintah larangan daripada Allah kepada hamba-hambanya. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengkaji kedua-dua jenis perintah ini yang terdapat dalam surah Al-Baqarah.

### **5.1.2 Rumusan Metodologi Kajian**

Pengkaji telah memilih dua buah kitab terjemahan Al-Quran yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu iaitu Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Tafsir Fi Zilal Al-Quran untuk menjalankan analisis perbandingan makna perintah. Ekoran daripada itu, pengkaji telah menetapkan bentuk-bentuk makna perintah yang akan dikaji dalam kajian ini berpandukan pendapat daripada ulama' Usul Fiqh dan juga pentafsir Al-Quran. Bentuk-bentuk itu adalah seperti berikut:

- i- kata kerja perintah (*Fi'l Amr*)
- ii- kata kerja mudari` disertai dengan *Lam Al-Amr*
- iii- kata nama perintah (*Ism Fi'l*)
- iv- kata kerja mudari` yang disertai dengan *La Al-Nahiyyat*


### **5.1.3 Rumusan Hasil Dapatan**

Jika dilihat kepada dapatan kajian, terdapat 80 persamaan perkataan yang diterjemahkan dengan menggunakan perkataan yang sama bagi kedua-dua terjemahan tersebut. Manakala perbezaan di antara kedua-duanya pula ialah sebanyak 103 patah perkataan. Berikut adalah rumusan hasil dapatan mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan:

### 5.1.3 (a) Rumusan Perbandingan Penterjemahan Fi'l Amr

Secara keseluruhan, Fi'l Amr mempunyai 52 persamaan di antara kedua-duanya, manakala perbezaannya pula ialah 75 patah perkataan. Namun begitu, jika dilihat mengikut kategori-kategori dalam Fi'l Amr, jumlahnya adalah seperti dalam rajah di bawah:

**Rajah 1: Persamaan dan Perbezaan Fi'l Amr di antara TPAR dengan TFZQ.**



Rajah 1 menunjukkan jumlah persamaan dan perbezaan penterjemahan Fi'l Amr di antara TPAR dengan TFZQ mengikut kategori masing-masing. Daripada jumlah itu, jelas menunjukkan bahawa perbezaannya lebih banyak berbanding persamaannya bagi setiap kategori. Ini berlaku kerana kedua-dua kitab tafsir itu menggunakan pendekatan penterjemahan yang berlainan.

Contoh persamaan-persamaan itu ialah seperti berikut:

Bil.	Fi'l Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	أَدْعُوا	Panggillah	panggillah	23
2	أَسْكُنْ	Tinggallah	Tinggallah	35
3	كُلْ	Makanlah	makanlah	35

4	إِهْبِطُوا	Turunlah kamu	Turunlah kamu	36, 38
5	ارْكُعُوا	Rukuklah	Ruku'lah	43
6	ادْخُلُوا	Masuklah kamu	Masuklah kamu	58
7	كُلُوا	Makanlah	Makanlah	58, 60, 168, 172, 187
8	اضْرِبْ	Pukullah	Pukullah	60
9	اشْرَبُوا	Minumlah	Minumlah	60, 187
10	كُونُوا	Jadilah kamu	Jadilah kamu	65

Manakala contoh perbezaan pada fi'l amr pula adalah seperti berikut:


Bil.	Fi'il Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	اعْبُدُوا	Beribadatlah	Sembahlah	21
2	فَاتُوا	Cubalah buat dan datangkanlah	bawalah	23
3	اسْجُدُوا	Tunduklah	Sujudlah	34
4	اذْكُرُوا	Kenangkanlah	Kenangilah	40, 47, 122, 231
5	ارْهَبُوا	Hendaklah kamu merasa gerun takut	takutlah	40
6	تُوبُوا	Bertaubatlah	Taubatlah	54
7	كُلُوا	Makanlah	Silalah makan	57
8	قُولُوا	Berkata	Berdoalah	58

9	أَدْعُ	Pohonkanlah	Pohonlah	61, 68, 69, 70
10	إِهْبِطُوا	Turunlah	Masuklah	61

### 5.1.3 (b) Rumusan Perbandingan Penterjemahan La An-Nahiyatt

Kata kerja mudari` yang disertai dengan *La Al-Nahiyatt* pula mengandungi 23 persamaan dalam TPAR dan TFZQ, manakala perbezaannya pula ialah 22 patah perkataan. Lihat rajah 2 di bawah:

**Rajah 2: Persamaan dan Perbezaan Penterjemahan La An-Nahiyatt antara TPAR dengan TFZQ.**



Rajah 2 menunjukkan persamaan dan perbezaan penterjemahan La An-Nahiyatt di antara dua kitab tafsir yang dikaji. Persamaan di antara kedua-duanya adalah lebih banyak berbanding perbezaannya.

Contoh persamaan pada kategori ini ialah seperti berikut:

Bil.	La An-Nahiyatt	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	لَا تَجْعَلُوا	Janganlah kamu mengadakan	Janganlah kamu mengadakan	22
2	لَا تَقْرَبُوا	Janganlah kamu hampiri	Janganlah kamu hampiri	35
3	لَا تَكُونُوا	Janganlah kamu menjadi	Janganlah kamu menjadi	41

4	لَا تَشْتَرُوا	Janganlah kamu membeli	Janganlah kamu membeli	41
5	لَا تَكْفُرُوا	Janganlah engkau menjadi kafir	Janganlah engkau jadi kafir	102
6	لَا تَمُوتُنَّ	Janganlah kamu mati	Janganlah kamu mati	132


Contoh perbezaan pada kategori ini pula adalah seperti berikut:

Bil.	La An-Nahiyatt	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	لَا تُفْسِدُوا	Janganlah kamu membuat bencana	Janganlah kamu melakukan kerosakan	11
2	لَا تَلْبَسُوا	Janganlah kamu campur adukkan	Janganlah kamu kelirukan	42
3	لَا تَعْتَدُوا	Janganlah kamu merebakkan	Janganlah kamu menceroboh	60
4	لَا تَقُولُوا	Janganlah kamu mengatakan	Janganlah kamu berkata	104
5	لَا تَتَّبِعُوا	Janganlah kamu ikut	Janganlah kamu mengikut	168
6	لَا تُبَاشِرُوا	Janganlah kamu setubuhi	Janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin	187

### 5.1.3 (c) Rumusan Perbandingan Penterjemahan Ism Fi'l

Dalam kategori Ism Fi'l, hanya terdapat satu perkataan sahaja yang memiliki persamaan terjemahan pada perkataan makna perintah yang terdapat dalam TPAR dan TFZQ dan tiga patah perkataan yang berbeza terjemahannya. Lihat rajah 3 di bawah:

**Rajah 3: Persamaan dan Perbezaan Penterjemahan Ism Fi'l antara TPAR dengan TFZQ.**




Rajah 3 menunjukkan perbezaan di antara TPAR dengan TFZQ dalam terjemahan Ism Fi'l adalah lebih banyak berbanding persamaan di antara kedua-duanya. Namun begitu, nisbah ketidaksamaan di antara persamaan dan perbezaan itu adalah kecil sahaja.

#### **5.1.3 (d) Rumusan Perbandingan Penterjemahan La Al-Amr**

Dalam kategori La Al-Amr pula, terdapat empat patah perkataan yang terjemahannya sama di antara TPAR dengan TFZQ, manakala perbezaannya ialah pada tiga patah perkataan. Lihat rajah 4 di bawah:

**Rajah 4: Persamaan dan Perbezaan Penterjemahan La Al-Amr antara TPAR dengan TFZQ.**




Rajah 4 pula menunjukkan persamaan di antara TPAR dengan TFZQ adalah lebih tinggi daripada perbezaan yang ada antara keduanya dalam menterjemahkan La Al-Amr. Ini mungkin disebabkan oleh jumlah La Al-Amr di dalam surah Al-Baqarah adalah sedikit sahaja berbanding kategori makna perintah yang lain.

### 5.1.3 (e) Rumusan Ketepatan Terjemahan Makna Perintah

Objektif ketiga yang telah dicapai melalui kajian ini ialah menentukan tahap ketepatan penterjemahan makna perintah Arab-Melayu. Tahap ketepatan ini ditentukan melalui penglibatan pakar-pakar bahasa dalam satu soal selidik yang berbentuk skala Likert iaitu bermula dengan skala 1(paling tidak tepat) hingga skala 5(paling tepat). Carta-carta di bawah menunjukkan tahap ketepatan yang telah ditentukan oleh mereka yang terlibat.

Berikut adalah keputusan ketepatan penterjemahan Fi'l Amr di antara TPAR dengan TFZQ:

Rajah 5: Tahap Ketepatan Terjemahan Fi'l Amr dalam TPAR dan TFZQ




Rajah 5 menunjukkan tahap ketepatan terjemahan Fi'l Amr di dalam kedua-dua kitab tafsir yang dikaji. Jika dilihat pada rajah tersebut, jumlah data TFZQ yang berada pada skala 5 adalah lebih banyak berbanding data TPAR. Ini menunjukkan bahawa data-data daripada TFZQ adalah lebih tepat berbanding data-data dalam TPAR. Namun begitu, ada juga yang berlaku sebaliknya.

Berikut pula adalah keputusan ketepatan penterjemahan La An-Nahiyatt di antara TPAR dengan TFZQ:




**Rajah 6: Tahap Ketepatan Terjemahan La An-Nahiyatt dalam TPAR dan TFZQ.**



Rajah 6 pula menunjukkan tahap ketepatan terjemahan La An-Nahiyatt dalam kedua-dua kitab tafsir tersebut. Dalam jadual tersebut, data daripada TFZQ yang berada pada skala 5 adalah lebih banyak berbanding data daripada TPAR. Ini menunjukkan tahap ketepatan terjemahan La An-Nahiyatt dalam TFZQ lebih tepat berbanding TPAR.

Berikut pula adalah keputusan ketepatan penterjemahan La Al-Amr di antara TPAR dengan TFZQ:

**Rajah 7: Tahap Ketepatan Terjemahan La Al-Amr dalam TPAR dan TFZQ.**



Rajah 7 menunjukkan tahap ketepatan terjemahan La Al-Amr di dalam kedua-dua kitab tafsir. Data yang dijumpai adalah tiga sahaja. Daripada ketiga-tiga data ini, jelas menunjukkan bahawa dua data daripada TFZQ memiliki tahap ketepatan yang paling tinggi. Manakala data pertama yang memiliki tahap ketepatan yang paling tinggi adalah daripada TPAR.

Secara keseluruhannya, terjemahan-terjemahan makna perintah di dalam TPAR dan TFZQ memiliki ketepatan yang hampir sama. Namun begitu, terjemahan daripada TFZQ kelihatan lebih tepat berbanding terjemahan daripada TPAR. Ini mungkin disebabkan oleh faktor masa penterjemahan itu berlaku. Kitab TPAR lebih dahulu diterjemahkan berbanding kitab TFZQ. Jadi, kitab TFZQ memiliki bahasa yang lebih moden yang bersesuaian dengan masa sekarang.

## **5.2 Cadangan**

Setelah selesai menjalankan kajian ini, ada beberapa saranan atau cadangan yang boleh digunakan oleh pengkaji-pengkaji baru dalam menjalankan kajian seumpama ini. Antaranya ialah menjalankan kajian perbandingan terjemahan sama ada terjemahan Arab-Melayu atau bahasa lain mengikut konteks ayat. Ini bermaksud kajian itu akan mengkaji terjemahan sesuatu perkataan itu mengikut konteks ayat iaitu tidak secara terjemahan satu perkataan demi satu perkataan semata-mata. Ini boleh meningkatkan lagi kesahihan sesuatu terjemahan.

Selain itu, bagi mendapatkan hasil yang lebih tepat dan jitu, sesuatu soal selidik yang dijalankan itu perlulah memiliki jumlah responden yang bersesuaian dengan objektif kajian. Justeru itu, pengkaji mencadangkan bahawa soal selidik yang melibatkan kepakaran seseorang dalam sesuatu bidang harus dijalankan kepada lebih ramai pakar termasuk yang memiliki jawatan profesor dalam bidang terjemahan dua hala Arab-Melayu-Arab.

### **5.3 Penutup**

Sebagai kesimpulan bagi bab ini, pengkaji ingin menegaskan bahawa segala hasil dapatan yang telah dibentangkan bukanlah untuk merendah-rendahkan usaha para penterjemah Al-Quran yang berusaha sedaya upaya untuk memberi kefahaman kepada masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Malah, kajian ini adalah untuk membantu para penterjemah di masa kini dan masa depan dalam usaha memartabatkan Al-Quran sebagai sumber rujukan utama dalam kehidupan seseorang Muslim. Kajian ini juga membantu para penterjemah memilih perkataan yang sesuai bagi menterjemahkan sesuatu perkataan khususnya terjemahan Arab-Melayu. Semoga kajian ini bermanfaat kepada masyarakat yang beragama Islam di Malaysia mahupun di serata Dunia.